

Ruj. Kami : MQA.600-1/5/20 (3)
Tarikh : 15 Februari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

KAEDAH PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH BAHARU PROGRAM DI BAWAH LEMBAGA JURUUKUR TANAH MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) dan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 [Subperaturan 18(3) dan 22(2)] Pengiktirafan Kelayakan telah menyatakan punca kuasa Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJTM) bagi menjalankan penilaian program Ukur Tanah adalah bagi **Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) (Ijazah Sarjana Muda) sahaja**.

3. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT), Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) Bil. 1/2023 bertarikh 4 Januari 2023 dan Mesyuarat LJTM ke 543 pada 27 Oktober 2023, kaedah penilaian baharu program LJTM adalah berdasarkan ketetapan berikut:

- i) Berdasarkan Akta 458 dan Peraturannya, punca kuasa LJTM hanya untuk menilai program Tahap 6 KKM (Ijazah Sarjana Muda) sahaja. Program tahap lain (Tahap 3 (Sijil) dan Tahap 4 KKM (Diploma)) akan dinilai oleh MQA atau Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Swaakreditasi.
- ii) Tarikh mula berkuatkuasa pelaksanaan proses kerja baharu penilaian di peringkat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh ini adalah bermula 1 Julai 2023.

4. PPT adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan pembaharuan Akreditasi Penuh untuk program Ukur Tanah Tahap 3 KKM (Sijil) dan Tahap 4 KKM (Diploma) kepada MQA menggunakan borang dan fi perkhidmatan MQA berdasarkan ketetapan yang telah dinyatakan di para 3 selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh Akreditasi Penuh yang diberikan ketika penilaian di bawah LJTM.



5. Bagi program yang telah mendapat **Akreditasi Sementara** dan akan memohon untuk **Akreditasi Penuh**, permohonan hendaklah dikemukakan kepada MQA menggunakan borang dan fi perkhidmatan MQA berdasarkan ketetapan yang telah dinyatakan di **para 3** dalam tempoh dua bulan sebelum kohort pertama pelajar memulakan semester akhir program.

6. Bagi PPT berstatus Swaakreditasi, penilaian pembaharuan **Akreditasi Penuh** program **Tahap 4 KKM (Diploma)** perlu dilaksanakan menggunakan kaedah penilaian sendiri seperti penilaian terhadap program bukan profesional **selewat-lewatnya enam (6) bulan** sebelum tamat tempoh Akreditasi Penuh yang diberikan ketika penilaian di bawah LJTM.

7. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya agar urusan penilaian semula akreditasi bagi Tahap 3 KKM dan Tahap 4 KKM program Ukur Tanah dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"



"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

BA4/MHMM/ista

 Pejabat Naib Canselor	
Edaran untuk tindakan :	
<input checked="" type="checkbox"/> TNC (Tinjauan Semik & Antarabangsa)	Pro Naib Canselor (Strategi)
TNC (Penyelidikan & Inovasi)	Pro Naib Canselor (Antarabangsa)
TNC (Hal Ehwal Pelajar)	Pengarah Kerja
TNC (Pembangunan)	Pegawai CICT
Pendaftar	Pegawai Undang-Undang
Pengarah HEK	Pegawai Khas NC
Bendahari	PPK - Pej NC
Ketua Pustakawan	PP - SMO
Pro Naib Canselor (UTMKL)	Dekan
Catatan : cc. Pengarah urusan	
TT: 	Tarikh: 22/2/2024

Senarai Edaran:



1. Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR

2. Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA Shah Alam
40450 Shah Alam
SELANGOR

3. Rektor
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau
02600 Arau
PERLIS

4. Pengerusi Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan
(SPACE)
Pusat Pengajian Diploma SPACE
Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

5. Naib Canselor
Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur
Unipark Suria
Jalan Ikram-Uniten
43000 Kajang
SELANGOR

6. Naib Canselor
Universiti Geomatika Malaysia
Chancellery Office, 5-5-7 Tingkat 4, Prima Peninsular
Jalan Setiawangsa 11, Taman Setiawangsa
54200 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

7. Ketua Eksekutif
Kolej Sains Geospasial dan Teknologi
Aras 2 & 3, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

8. Naib Canselor
Kolej Universiti Borneo Utara (KUBU)
Wisma Angkatan Hebat, 1 Borneo
Jalan Sulaman
88400 Kota Kinabalu
SABAH

9. Pengarah
Politeknik Ungku Omar
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh
PERAK

10. Pengarah
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
Kulim Hi-Tech Park
09000 Kulim
KEDAH

11. Pengarah
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
Semambu
25350 Kuantan
PAHANG

12. Pengarah
Politeknik Merlimau Melaka
KB 1031, Pejabat Pos Merlimau
77300 Merlimau
MELAKA

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
5. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
6. YBhg. Datuk Sr Ismail bin Harun
Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak
Pusat Bandar Melawati
53100 W.P. KUALA LUMPUR
7. Pengarah
Bahagian Koordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti
Agensi Kelayakan Malaysia

8. Pengarah
Bahagian Kewangan
Agensi Kelayakan Malaysia
9. Pengarah
Bahagian Audit Institusi
Agensi Kelayakan Malaysia
10. Ketua Unit
Unit Semakan
Agensi Kelayakan Malaysia